



**SEMBAH ALU-ALUAN**

**YANG BERTHORMAT  
DATO SERI SETIA AWANG HAJI NAZMI BIN HAJI MOHAMAD  
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA  
KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE 32<sup>ND</sup> SOUTHEAST ASIAN GAMES  
CAMBODIA  
05 HINGGA 17 MEI 2023**

**PADA HARI ISNIN  
10 SYAWAL 1444 / 01 MEI 2023  
JAM : 2.15 PETANG**

**BERTEMPAT:  
STADIUM TERTUTUP  
KOMPLEKS SUKAN NEGARA HASSANAL BOLKIAH,  
BERAKAS**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wassalatu Wassalamu 'Ala  
Asyrafil Anbiyaie Mursalin Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihi  
Wasahbihi Ajma'in

Mengadap kehadiran Majlis:

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri  
Maharaja Permaisudara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-  
Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi  
Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei  
Darussalam.

Yang Mulia,

Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud  
Setiausaha Tetap (Kesukanan)

Yang Mulia

Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Yang Mulia

Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan)

Yang Mulia

Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin

Setiausaha Tetap (Kebeliaan)

Yang Mulia

Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah

Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Yang Mulia

Ahli-Ahli Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

Yang Mulia

Dayang Zainab binti Haji Morshidi Selaku *Chef de Mission* kontinjen Negara Brunei Darussalam ke *32<sup>nd</sup> Southeast Asian Games, Cambodia*.

Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai Kanan Kerajaan, Pemimpin-Pemimpin Persatuan-Persatuan Sukan, Para Jurulatih, para atlet, para ibubapa, para media,

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

*Beribu Ampun,*

1. Hamba Duli Tuanku bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia perkenan Baginda bagi Negara Brunei Darussalam menyertai *32<sup>nd</sup> Southeast Asian Games* yang akan berlangsung pada 05 hingga 17 Mei 2023 di Cambodia.
2. Hamba Duli Tuanku menyembahkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua abis Hamba Duli Tuanku dapat berkumpul pada majlis petang ini iaitu Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke *32<sup>nd</sup> Southeast Asian Games, Cambodia*.

*Beribu Ampun,*

3. Bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Hamba Duli Tuanku dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan penghargaan di atas keberangkatan Duli Tuanku ke majlis petang ini, di mana keberangkatan Duli Tuanku ke majlis ini adalah sangat bermakna dan disanjung tinggi, dalam mana keberangkatan Duli Tuanku ini memperlihatkan sokongan dan keprihatinan yang berterusan Duli Tuanku terhadap kemajuan dan pembangunan sukan di negara ini.

*Beribu Ampun,*

4. Terlebih dahulu, hamba Duli Tuanku menjunjung perkenan Duli Tuanku bagi Hamba Duli Tuanku menyampaikan sepatah dua kata di majlis pada hari ini.
5. Mengimbas kembali penyertaan Negara Brunei Darussalam di kejohanan *31<sup>st</sup> Southeast Asian Games* di Hanoi, Vietnam yang telah diadakan pada 12 hingga 23 Mei 2022, Negara Brunei Darussalam telah menyertai empat (4) acara sukan sahaja iaitu Wushu, Pencak Silat, Karate

dan E-Sports. Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah berjaya meraih 1 (satu) pingat emas melalui acara Wushu; dan satu (1) pingat perak dan satu (1) pingat gangsa melalui acara pencak silat. Semoga dengan kejayaan ini dapat memberikan motivasi dan membakar semangat para atlet untuk secara berterusan mempertingkatkan keupayaan dalam memberikan saingan kepada pihak lawan dengan persaingan secara sihat.

6. Pada kejohanan kali ini, Negara Brunei Darussalam akan menyertai dua belas (12) acara sukan iaitu Wushu, Pencak Silat, Karate, Lawan Pedang, Petanque, Weightlifting (angkat berat), Athletics (olahraga), Aquatics Swimming (Renang), Billiard & Snooker, Obstacle Race, E-Sports dan Badminton dengan menghantar kontinjen seramai 100 orang ahli kontinjen yang terdiri daripada seorang (1) *Chef de Mission*, seorang (1) *Assistant Chef de Mission*, enam puluh lima (65) atlet, lima (5) pengurus, lima belas (15) jurulatih/penolong jurulatih, seorang (1) Ketua Urus Setia, tiga (3) pegawai urus setia, empat (4) pegawai perhubungan, seorang (1) pegawai perubahan/doktor dan empat (4) *physiotherapy/massuer*.

7. Peramba saya mengucapkan tahniah kepada atlet yang terpilih untuk menyertai kejohanan ini. Pemilihan ini adalah hasil kerja keras dan komitmen masing-masing dalam menjalani latihan yang dijadualkan. Peramba saya berharap semoga dengan penyertaan pada kali ini akan dapat memperluaskan lagi kemahiran yang sedia ada serta dapat menimba pengalaman dengan memberikan persaingan yang sihat kepada atlet-atlet yang akan bertanding nanti.
8. Peramba saya juga ingin berpesan agar semua ahli kontinjen untuk menjaga disiplin dan tingkah laku serta menjaga tatasusila kitani sebagai Negara Melayu Islam Beraja sepanjang berada di sana. Sentiasa memberikan kerjasama kepada semua pihak dan yang paling penting adalah hindari dan jauhkan diri daripada mengambil barang-barang atau ubat-ubatan yang terlarang yang boleh mengakibatkan atlet dikeluarkan atau digantung daripada bertanding sehingga mencemarkan nama baik negara.
9. Sebelum mengundur diri, marilah kita bersama-sama mendoakan kesihatan, keselamatan dan kekuatan tenaga dan stamina kepada atlet-atlet negara agar mereka dapat

memberikan prestasi yang terbaik. Selamat berjuang dan bersainglah secara sihat dengan disiplin serta semangat yang kental dan semoga kejayaan milik kita. Dengan adanya kejayaan ini nanti, diharapkan ianya akan dapat menambahkan lagi keyakinan dan memupuk semangat kepada seluruh penggiat sukan, atlet, badan yang bertanggungjawab mengurus sukan dan anak muda yang berbakat untuk terus berusaha dalam meningkatkan prestasi demi mencipta lebih banyak kejayaan dalam bidang sukan pada masa akan datang.

*Beribu Ampun,*

10. Untuk akhirnya, sekali lagi, hamba Duli Tuanku menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Penyerahan Bendera pada petang ini. Hamba Duli Tuanku menjunjung ampun dan maaf jika terdapat sebarang suruk langkah dan tutur kata yang kurang manis yang tidak disengajakan di dalam melaksanakan majlis pada petang ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.